

# 32 kemalangan dalam tempoh dua tahun di laluan terowong

**IPOH** – Sebanyak 32 kemalangan dilaporkan berlaku di Terowong Menora di Lebuhraya Utara-Selatan sejak tahun lalu.

Menurut data Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak, sebanyak 16 kemalangan berlaku pada 2021, manakala 16 lagi kemalangan direkodkan pada tahun ini.

Data itu menunjukkan tiada kehilangan jiwa dilaporkan berlaku bagi kesemua kemalangan

yang melibatkan 22 orang mangsa di kawasan Terowong Menora pada tahun ini.


Bagaimanapun, terdapat dua kematian dilaporkan tahun lalu, dengan jumlah keseluruhan individu terlibat dalam kemalangan di kawasan tersebut pada 2021 berjumlah 44 orang.

Satu kes kematian masing-masing berlaku di Kilometer (KM) 262 arah utara sebelum Terowong Menora iaitu pada 6 Sep-

tember 2021 serta di kawasan sebelum terowong berkenaan arah selatan.

Kemalangan melibatkan 15 orang mangsa yang mengalami kecederaan pula berlaku di KM265 arah selatan di Terowong Menora pada 4 April 2021.

Dua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) yang kerap mengambil tindakan terhadap kes-kes kemalangan tersebut ialah BBP Meru Raya dan BBP Kuala Kangsar.



**GAMBAR fail** menunjukkan kemalangan yang berlaku di dalam Terowong Menora sehingga mengakibatkan kesesakan pada 19 Februari 2018.